

20 JAN 2003

Sukan-Skuasy/I

ARNOLD KETUAI CABARAN PADA KEJOHANAN REMAJA ASIA

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Timothy Arnold akan mengetuai cabaran Malaysia dalam kategori lelaki Kejohanan Skuasy Remaja Asia, yang akan diadakan di Islamabad dari 1-10 Feb.

Anggota lain pasukan itu ialah Mohd Nafzahizam Adnan, Mohd Shahril Shahidan dan Fabian Faurillo.

Arnold juga merupakan pilihan terbaik Malaysia dalam kategori perseorangan lelaki, acara yang Malaysia mempunyai harapan besar.

Chris Chan berjaya ke akhir pada 1989 manakala Ong Beng Hee dan Mohd Azlan Iskandar, masing-masing menjuarai kategori perseorangan pada 1999 dan 2001.

Persatuan Skuasy Malaysia (SRAM) yakin Arnold, dengan prestasi cemerlangnya baru-baru ini, mampu menerajui Malaysia membuat penyudah yang baik.

Presiden SRAM Datuk Mokhzani Mahathir berkata cabaran terkuat pasukan itu ialah juara bertahan Pakistan.

Dalam kategori wanita, pasukan itu meletakkan harapan pada Lim Yoke Wah, Delia Arnold, Sally Looi dan Shenny Ong Li Ying untuk meraih kemenangan.

"Pasukan lelaki harus layak ke peringkat suku akhir manakala wanita pula sekurang-kurangnya mara ke separuh akhir bagi acara perseorangan dalam kejohanan akan datang," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan bendera dan pakaian kepada pasukan di sini hari ini.

Beliau berkata bagi acara berpasukan, pasukan lelaki disasarkan berjaya ke separuh akhir manakala pasukan wanita ke perlawanan akhir.

"SRAM berharap untuk menyaksikan pasukan mengulangi pencapaian pemain-pemain yang telah mengharumkan negara, seperti Nicol David, Ong Beng Hee dan Mohd Azlan Iskandar," katanya.

Pasukan berkenaan akan berlepas ke Islamabad pada Khamis.

Ditanya mengenai kedudukan Nicol, Mokhzani berkata pemain itu masih belum memberikan jawapan kepada mereka tetapi telah memulakan latihan.

"Beliau mungkin memberikan keputusannya selepas Tahun Baru Cina. Bagaimanapun, beliau tidak akan menyertai mana-mana kejohanan dalam waktu terdekat kerana beliau mahu betul-betul cergas sebelum menyertainya," katanya.

Ratu skuasy negara itu tidak akan bermain dalam Terbuka KL akan datang tetapi akan membuat persediaan bagi Terbuka Las Vegas pada Mac.

Nicol, yang gagal memenangi pingat emas pada Sukan Asia lepas di Busan, prestasinya kurang memuaskan akhir-akhir ini ekoran jurulatih peribadinya berhenti.

-- BERNAMA

UHS AHA KHY YBY RHM